

BANK ISLAM MENDAHULUKAN KEMAKMURAN UNTUK SEMUA MELALUI PELABURAN IMPAK

KUALA LUMPUR, Ahad, [7 Januari 2024]: Peneraju bank Islam di Malaysia, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank), memperkenalkan tawaran terbaharu, Akaun Pelaburan Mampan Ihsan (ISIA). Di samping menawarkan pulangan pelaburan, produk inovatif ini direka khas untuk memberi impak sosial dan alam sekitar yang positif melalui Kewangan Sosial. Pada masa sama, ia direka untuk pelanggan yang mencari pelaburan stabil jangka pendek dalam mengharungi ketidakpastian yang sering dikaitkan dengan pelaburan ekuiti dan pendapatan tetap.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, Dato' Mohd Muazzam Mohamed berkata, "Sebagai sebuah bank Islam, bersikap prihatin dan melakukan yang terbaik adalah sebahagian daripada jati diri kami. Selaras dengan tuntutan Syariah (*Maqasid Shariah*), ISIA mencerminkan komitmen kami dalam mendahulukan kemakmuran untuk semua. Menerusi ISIA, kami memberi peluang kepada pelabur untuk bersama-sama membentuk ekonomi positif kepada alam dengan meneroka potensi Kewangan Islam."

ISIA mula ditawarkan untuk tempoh antara 25 Oktober dan 23 November 2023 dan tersedia untuk pelabur individu mewah dan bukan individu dengan jumlah pelaburan minimum masing-masing RM50,000 untuk individu dan RM1 juta untuk bukan individu.

Berikutan permintaan memberangsangkan, Bank telah melanjutkan tempoh tawaran dari 27 November sehingga 14 Disember 2023 manakala tarikh pelaburan baharu ditetapkan pada 15 Disember 2023. ISIA menawarkan pulangan tahunan indikatif 4.50%*, yang mana 2.50% daripada keuntungan akan disalurkan ke Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) atau Sadaqa House Bank Islam. Ia merupakan salah satu elemen sosial yang diterapkan dalam ciri-ciri kempen ini. Keuntungan akan diagih secara separuh tahunan dan dalam tempoh pelaburan selama 24 bulan.

ISIA adalah Akaun Pelaburan perintis yang direka untuk menawarkan pelabur akses terhadap aset pembiayaan berteraskan ESG atau SDG yang menyokong objektif Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSDG) dan pengelasan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip selaras dengan rangka kerja Bank Negara Malaysia (BNM). Dana ini akan dilabur dalam portfolio pelbagai daripada aset bukan runcit meliputi tenaga boleh diperbaharui, pembiayaan hijau, pengangkutan mesra alam, bekalan air bersih dan pengurusan sisa serta sektor-sektor lain yang menyumbang kepada kewujudan bandar-bandar mampan dan memenuhi matlamat komuniti. Bank telah mewujudkan rangka kerja

pengawasan ketat melibatkan proses seperti usaha wajar yang rapi dan menyeluruh, penilaian impak lengkap serta pemantauan berterusan dana tersebut.

Bukan sekadar pulangan kewangan, pelabur boleh mencipta impak bermanfaat dalam matlamat sosial menerusi kolaborasi dengan PPZ-MAIWP atau Sadaqa House Bank Islam, selain turut dapat menikmati potongan cukai. Jumlah sumbangan akan membolehkan pembuat perubahan terpilih di bawah Sadaqa House untuk meneruskan usaha mereka memperkasakan komuniti yang kurang mendapat liputan khidmat kewangan.

“Bank Islam komited dalam memastikan ketelusan dan kebertanggungjawaban. Kami juga berazam untuk membuat perubahan ketara kepada komuniti dan ekosistem di mana sahaja kami beroperasi. Komitmen-komitmen ini penting bagi memastikan setiap sen daripada sumbangan impak sosial menerusi pulangan ISIA disalurkan kepada perubahan bermakna dan berpanjangan. Pelaburan pelanggan menerusi ISIA bukan sekadar bernilai dari segi kewangan. Ia adalah satu pelaburan demi masa depan yang lebih cerah dan mampan untuk semua,” tambah Dato’ Mohd Muazzam.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai ISIA, sila layari <https://www.bankislam.com/personal-banking/deposit-and-investments/investments/ihsan-sustainability-investment-account-isia/>.

**Ini adalah kadar indikatif. Tertakluk kepada prestasi dasar aset pelaburan*

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983 sebagai institusi perbankan Islam pertama di Malaysia, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan dan kewangan yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat serta komited terhadap hasrat kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG. Anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam adalah perintis dalam pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham, iaitu BIMB Investment Management Berhad dan BIMB Securities Sdn Bhd. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Untuk maklumat lanjut, sila emel ke: media@bankislam.com.my